KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	Inisiatif Kerajaan Negeri Johor, JAKOA Perkasa Pembangunan Masyarakat Orang Asli
PAUTAN	https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2589278

AM > BERITA

Inisiatif Kerajaan Negeri Johor, JAKOA Perkasa Pembangunan Masyarakat Orang Asli

02/08/2026 01:52 PM



MERSING, 2 Ogos (Bernama) -- Pelbagai inisiatif Kerajaan Negeri Johor bersama-sama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam memperkasakan kepimpinan serta pembangunan masyarakat Orang Asli terus memberi manfaat kepada komuniti itu termasuk di Kampung Orang Asli Labong di sini.

Tok Batin Kampung Orang Asli Labong, Mabot Sela, 80, berkata inisiatif seperti latihan kepimpinan dan kenaikan elaun telah membantunya melaksanakan tanggungjawab sebagai penghubung antara penduduk dengan agensi kerajaan.

"Sepanjang memikul tanggungjawab ini, saya sentiasa komited untuk memastikan kebajikan dan keperluan mereka (penduduk Orang Asli) mendapat perhatian sewajarnya daripada kerajaan serta agensi berkaitan," katanya kepada Bernama.

Mabot yang dilantik sebagai Tok Batin pada 1990 kini memimpin kira-kira 500 penduduk suku Jakun terdiri daripada 136 keluarga melibatkan 99 rumah di kampung berkenaan.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, Mabot berkata dia diberi peluang mengikuti kursus kepimpinan anjuran JAKOA bagi meningkatkan kemahiran serta pengetahuan dalam memperkukuh tadbir urus hal ehwal komuniti.

"Kami (Tok Batin) diberi pendedahan mengenai tatacara menguruskan kampung secara lebih sistematik dan melancarkan penyampaian bantuan di samping meningkatkan kualiti perkhidmatan," kata bapa kepada empat anak itu.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Menarik rambut daripada tepung, bukan menangguk di air keruh
PAUTAN	https://tinyurl.com/42hu5243

Menarik rambut daripada tepung, bukan menangguk di air keruh



jangan ada pihak yang tidak menghormati hak Orang Asli dalam pemilikan tanah. – GAMBAR HIASAN

Oleh LAUPA JUNUS 2 Ogos 2026, 4:00 pm

Apa sebenarnya berlaku di Sungai Cot,Maran, Pahang baru-baru ini. Banyak versi yang mengatakan itu dan ini tetapi yang pasti tiada siapa pun mengenali Juliana Jaslin Ismail sebelum ini sehinggalah dia bangkit memperjuangkan apa yang didakwa sebagai haknya.

Dia tegas itu adalah hak tanah adat milik Orang Asli di situ, namun ada dakwaan tanah tersebut belum diwartakan demikian.

Figura ini sedang memperjuangkan apa yang didakwanya sebagai hak dan itu satu simbol perjuangan.

Persoalannya, yang mana satu betul kerana media sosial sudah menjadi mahkamah untuk membuat tuntutan dan tentunya sukar menjangka siapa pemenang.

Dalam pada kita tabik dengan semangat Orang Asli tersebut, jangan pula ada pihak menangguk di air keruh atas niat tertentu.

Menuntut sesuatu yang kita dakwa milik kita tidak ada salahnya, namun yang salah, perbuatan pihak tertentu yang asyik mahu menyalahkan mana-mana pihak termasuklah antaranya pihak berkuasa.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	NST
TAJUK	MARA takes Bumiputera firms to South Korea
PAUTAN	https://tinyurl.com/4tervfcp

Mara takes Bumiputera firms to S. Korea

KUALA LUMPUR: Majlis Amanah Rakyat (Mara) has concluded its Market Immersion Korea 2026 programme under the Gate To Global (GTG) initiative, reinforcing its efforts to develop globally competitive high-growth, high-value (HGHV) Bumiputera companies.

Mara said the programme reflects its commitment to nurturing Bumiputera companies with the capability to expand into international markets.

"The programme was designed to help participating companies establish a foothold in the South Korean market while showcasing Malaysian expertise in high-value sectors.

"It also supports Malaysia's broader efforts to strengthen its global presence by positioning domestic companies as trusted partners in strategic industries," it said.

Mara said South Korea was selected because of its status as one of Asia's most advanced economies and a global leader in artificial intelligence (AI), robotics, smart manufacturing, digital technologies and smart cities.

Throughout the programme, participants took part in business matching sessions, market briefings, networking engagements and industry visits with South Korean companies and organisations.

Held from June 29 to July 1 in collaboration with the Malaysia External Trade Development Corp (Matrade) in Seoul, the programme brought together five technology-driven companies to explore business opportunities, technology partnerships and investment prospects in South Korea.



The delegation comprised SS Rover Sdn Bhd, AL Pine Utility Services Sdn Bhd, Enygma Technologies Sdn Bhd, Xcel Itech Sdn Bhd and PZK Sdn Bhd, all operating in high-value sectors. PIX FROM MAJLIS AMANAH RAKYAT

The delegation comprised SS Rover Sdn Bhd, AL Pine Utility Services Sdn Bhd, Enygma Technologies Sdn Bhd, Xcel Itech Sdn Bhd and PZK Sdn Bhd, all operating in high-value sectors.

Their expertise spans underwater robotics, drone and infrastructure inspection, AI, virtual and augmented reality, as well as engineering and water infrastructure solutions.

The participating South Korean companies included EGIS Co Ltd, Angelswing Inc, Customs Uni-Pass International Agency (Cupia), Doosan Robotics, NanoEcoTech Co Ltd, Ko-Mapper Co Ltd, KnowWhere Bridge Co Ltd, Quram Co Ltd, Eunsung O&C Co Ltd, and Woowon Development Co Ltd.



The business matching sessions provided participants with opportunities to explore strategic collaborations, investment prospects and technology transfer initiatives.

Mara said the business matching sessions provided participants with opportunities to explore strategic collaborations, investment prospects and technology transfer initiatives that could support the growth of Malaysia's technology sector.

In addition to the business-to-business sessions, the delegation visited Ko-Mapper to gain first-hand exposure to the company's AI-powered infrastructure safety inspection technology.

The visit provided participants with valuable insights into South Korea's technological innovations and industry best practices while creating opportunities to explore collaboration in investment, technology transfer and the development of solutions that could benefit industries in Malaysia.

Since its introduction in 2018, the GTG programme has supported 166 Bumiputera entrepreneurs through export development initiatives, including business mentoring, international trade exhibitions, business matching sessions and overseas market immersion programmes.

Moving forward, Mara plans to build on the programme's momentum by creating more opportunities for HGHV Bumiputera companies to connect with global industry leaders, accelerate technology adoption and translate international collaborations into sustainable business growth.

By Azanis Shahila Aman

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	DPM congratulated the national men's and women's doubles pair, Aaron Chia-Soh Wooi Yik and Pearly Tan-m. Thinaah
PAUTAN	https://tinyurl.com/h5c8ckku

LIPUTAN MEDIA 3 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	UUM Today
TAJUK	Program cyntok bhatik perkasa komuniti KEMAS dengan kemahiran penghasilan batik cop DIY
PAUTAN	https://tinyurl.com/mtv9j27n

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Larian MARA semarak budaya hidup sihat warga KPTMSB
PAUTAN	https://tinyurl.com/y8fpskfa

Larian Mara semarak budaya hidup sihat warga KPTMSB

SEMANGAT kesukanan dan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan warga Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB) terus diperkukuh menerusi penganjuran Larian MARA Sihat: The Sweet Escape 2026 yang berlangsung meriah di Ibu Pejabat MARA, semalam.

Program bermula seawal pukul 6.30 pagi itu disempurnakan Timbalan Ketua Pengarah (Pendidikan) MARA, Zahari Aziz dan menghimpunkan penyertaan warga MARA bersama agensi serta institusi di bawah ekosistem MARA termasuk Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) Bangi dan Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM).

Penganjuran program itu bertujuan membudayakan gaya hidup sihat, di samping mengukuhkan semangat kebersamaan, kerjasama berpasukan serta hubungan silaturahim antara warga MARA dan subsidiarinya.



■ PENGURUSAN dan peserta pada Larian MARA Sihat: The Sweet Escape 2026 di Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur semalam.

KKDW.100-2/1/3 ( )

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 3 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Menarik rambut daripada tepung, bukan menangguk di air keruh
PAUTAN	https://tinyurl.com/mt259j9d

Menarik rambut daripada tepung, bukan menangguk di air keruh



Oleh ***Laupa Junus***

APA sebenarnya berlaku di Sungai Cot,Maran, Pahang baru-baru ini. Banyak versi yang mengatakan itu dan ini tetapi yang pasti tiada siapa pun mengenali Juliana Jaslin Ismail sebelum ini sehinggalah dia bangkit memperjuangkan apa yang didakwa sebagai haknya.

Dia tegas itu adalah hak tanah adat milik orang Asli di situ, namun ada dakwaan tanah tersebut belum diwartakan demikian.

Figura ini sedang memperjuangkan apa yang didakwanya sebagai hak dan itu satu simbol perjuangan.

Persoalannya, yang mana satu betul kerana media sosial sudah menjadi mahkamah untuk membuat tuntutan dan tentunya sukar menjangka siapa pemenang.

Dalam pada kita tabik dengan semangat Orang Asli tersebut, jangan pula ada pihak menangguk di air keruh atas niat tertentu.

Menuntut sesuatu yang kita dakwa milik kita tidak ada salahnya, namun yang salah, perbuatan pihak tertentu yang asyik mahu menyalahkan mana-mana pihak termasuklah antaranya pihak berkuasa.

Sementara kita ingin menuntut hak, undang undang jangan diketepikan dan media sosial bukanlah mahkamah untuk membina persepsi dan sentimen sebagai soal pokok perbicaraan.

Kita mengikuti perkembangan isu Sungai Cot berdasarkan apa yang dilakukan Juliana, yang merupakan Orang Asli dan seperti mana yang dilaporkan, setakat itulah maklumat yang kita ada.

Isu orang Asli di negara ini dan di mana-mana negara suatu yang sensitif kerana mereka masyarakat pribumi dan tidak wajar dipinggirkan.

Siapakah Orang Asli? Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Perkara 160 (2) Orang Asli ditakrifkan sebagai masyarakat Orang Asli yang berasal dari Semenanjung Malaysia.

Masyarakat Orang Asli mempunyai bahasa, budaya dan gaya hidup yang unik. Mereka memiliki sejarah dan budaya hidup yang diwarisi turun temurun.

Berdasarkan statistik Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) 2024 , jumlah Orang Asli di negara ini adalah 221,098 orang daripada tiga etnik Orang Asli. Daripada jumlah tersebut seramai 120,240 adalah Senoi. Senoi merupakan satu daripada tiga etnik tersebut selain Melayu Proto dan Negrito.

Selain itu terdapat etnik Negrito seramai 7,156 dan Melayu Proto (93,702). Daripada ketiga-tiga etnik tersebut ia dipecahkan pula kepada beberapa subetnik.

Melayu Proto terbahagi kepada subetnik Jakun, Melayu Kanaq, Orang Kuala Orang Seletar, Semelai dan Temuan.

Etnik Negrito pula terbahagi kepada subetnik Bateq, Jahai, Kensiu, Kintaq Lanoh dan Mendriq manakala Senoi terbahagi kepada Che Jahut, Mahmeri, Semai, Semoq Beri dan Temiar.

Berdasarkan satu lagi statistik yang saya terima, jumlah orang Asli dikatakan 227, 900 pada tahun lalu dan menunjukkan peningkatan berbanding 2010 seramai 161,494 dengan kadar purata pertumbuhan penduduk 1.2 peratus tahun lalu. Berapa pun jumlahnya, yang penting mereka tetap Orang Asli.

Bermakna Orang Asli dan kehidupannya merupakan sebahagian daripada komuniti Malaysia.

Namun apabila berlaku dakwaan seperti di Sungai Cot, ini dibimbangi menjadi *trigger factor* orang luar menyalahkan kerajaan.

Mungkin ada kalangan kita yang masih ingat isu kaum Penan di Sarawak. Muncul watak-watak pejuang yang membangkitkan isu ini namun kerajaan yang dipersalahkan.

Apa yang dilakukan oleh Juliana ini merupakan manifestasi kebimbangan dan sifat pejuang memang begitu.

Mendakwa isu memperjuangan tanah Orang Asli sebagai retorik pun tidak adil kerana kebimbangan mereka berasas, bagi masyarakat tersebut tanah adalah persoalan hak untuk hidup dan mati.

Sginifikannya, kita baru sahaja menyambut Hari Tanah Negara (HTN) 2026 bertemakan Tanah Kita, Tanggungjawab Kita.

Berdasarkan sejarah, adat budaya, kepercayaan, sumber makanan, ubatan, hinggalah kepada pengetahuan dan pandangan dunia sebagai Orang Asli yang unik dan berbeza daripada kaum-kaum lain dalam negara ini.

Bagi seorang peguam